



PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN

SINOPSIS BIDANG LATIHAN KEMAHIRAN MENGIKUT TAHAP

BIDANG PENGELUARAN PADI

Tahap 2

Melaksanakan penyediaan tanah sawah, penyediaan benih, pra-cambah & anak semaian, menanam padi serta pembajaan tanaman padi. Disamping itu juga, pelatih akan belajar untuk mengenal serta mengawal perosak dan penyakit dan pengurusan air sawah.

Pendedahan berkenaan persampelan tanah, air dan pokok padi, penyediaan tanah sawah, pemantauan tumbesaran serta pengawasan perosak dan penyakit padi. Pelatih juga akan didedahkan dengan jualan hasil padi, penyenggaraan peralatan dan prasarana serta pembelajaran tentang penyenggaraan aktiviti stor.

Tahap 3

Penyeliaan aktiviti persampelan tanah, baja dan daun, penjagaan ladang, penyediaan keperluan ladang dan penyenggaraan kejenteraan. Selain daripada itu, pelatih juga akan mempelajari tentang penjagaan tanaman, pengurusan air sawah, pengawasan dan peramalan perosak dan penyakit padi.

Pelatih juga akan didedahkan dengan penuaian padi dan penyeliaan keselamatan kesihatan dan kesihatan pekerja. Menjalani kerja-kerja rutin ladang meliputi aspek penyediaan kawasan, tapak semaian serta melaksanakan kerja penanaman, penjagaan, penuaian hasil, pasca-tuai tanaman dan pemasaran hasil tanaman.